



TAHNIAH... Dr Harun (dua dari kanan) menerima sijil Malaysia Book of Records daripada wakil MboR, Nurul Huda Zakaria (dua dari kiri) disaksikan Jainab di 1Borneo Hypermall, Kota Kinabalu.

## UMS berjaya pecah rekod Malaysia

NST 4.2.2014 7

KOTA KINABALU: "Berlari di atas treadmill merupakan satu inovasi yang dicetuskan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam membudayakan aktiviti sukan kepada masyarakat."

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah, Datuk Hajah Jainab Datuk Seri Haji Ahmad Ayid berkata demikian berikutan kejayaan UMS melaraskan satu rekod baru dalam *Malaysia Book of Records* iaitu larian tanpa henti atas treadmill (alat kincir senaman) yang mencatatkan jumlah 264 jam tepat pada 4.30 petang kelmarin.

"Bagi menyempurnakan larian atas treadmill ini, saya tertarik dengan disiplin tinggi, semangat bekerjasama berpasukan dan minda cergas yang dilakukan oleh pelari yang terdiri daripada pelajar Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS serta petugas yang berkampung selama 11 hari di 1Borneo bagi mencatat nama dalam *Malaysia Book of Records*," tegasnya ketika merasmikan majlis penutupan program The Longest Distance of Run on a Treadmill by a Group.

Bercakap kepada pemberita, Jainab menggaskan, aktiviti sukan mampu menghindarkan belia dari terjebak dengan aktiviti yang kurang sihat seperti gejala dadah.

"Jadikan sukan sebagai aktiviti yang menyeronokkan dan lakukannya bersama keluarga kerana ia dapat dapat mengeratkan hubungan."

Terdahulu, Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah menegaskan bahawa cita-cita untuk mencipta rekod itu tidak akan tercapai tanpa adanya kerjasama yang padu dan jitu daripada semua pihak yang terbabit menjayakannya.

"Terbukti kerjasama dan perpaduan harmoni semua pihak menghasilkan hadiah bermakna kepada UMS. Secara tidak langsung, program sebegini mampu memupuk semangat bekerjasama dan persaingan yang sihat dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya pelajar-pelajar UMS."

Harun turut mengucapkan tahniah kepada Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial atas kejayaan mengharumkan nama UMS menerusi catatan rekod baru larian atas treadmill selama 264 jam dengan jarak larian 2,299.42 km yang dicatatkan.

Turut hadir mengesahkan catatan rekod baru tersebut ialah wakil *Malaysia Book of Records*, Nurul Huda Zakaria yang juga menyerahkan sijil tersebut kepada Datuk Harun dengan disaksikan Datuk Jainab.